

# Kurikulum perlu diubahsuai untuk lahirkan ramai saintis

UM12 JUL 2003

KUALA LUMPUR 11 Julai — Kurikulum mata pelajaran sains di negara ini perlu diubahsuai jika mahu melahirkan umat Islam yang mampu menguasai ilmu pengetahuan dalam bidang tersebut.

Tokoh akademik, **Prof. Tan Sri Dr. Awang Had Salleh** berkata, untuk melahirkan lebih ramai saintis, kurikulum sedia ada perlu diubahsuai ia itu dari peringkat rendah hingga ke pendidikan tinggi.

Menurutnya, pendidikan Sains perlu mengutamakan cara berfikir serta memberi penekanan kepada kreativiti pelajar, bukannya hanya disuap maklumat oleh guru.

Di peringkat pengajian tinggi pula, katanya, pe-

nekanan perlu diberi kepada meningkatkan bidang penyelidikan, bukannya teori semata-mata.

“Melalui kreativiti, barulah kita boleh mencipta benda-benda baru manakala melalui penyelidikan kita dapat kembangkan ilmu,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

**Perdana Menteri** Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam berkata, umat Islam perlu memiliki semula kekuatan ilmu pengetahuan seperti sains kerana ia mampu mempertahankan ummah serta mengelakkan ajaran itu daripada dimalukan dan dipandang rendah.

Menurut Dr. Awang, untuk melahirkan saintis yang berwibawa, mata

berkata, hasrat negara untuk melahirkan lebih ramai saintis akan memakan masa yang lama jika terus bersandarkan kurikulum sedia ada.

Menurutnya, dasar pendidikan negara belum begitu lengkap dan teratur termasuk penguasaan bahasa Inggeris yang masih lemah serta pendekatan pengajaran yang tidak tersusun.

Katanya, beliau pernah mencadangkan agar kerajaan mengikut kaedah pengajaran sains yang dibangunkan oleh sekumpulan pakar yang berpusat di sebuah universiti di Belanda yang terbukti mampu melahirkan saintis yang berwibawa termasuk di Eropah dan Amerika Syarikat.

pelajaran sains perlu diseimbangkan dengan mata pelajaran lain termasuk agama.

Sementara itu, bekas Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Tan Sri Ainnuddin Abdul Wahid**